

Beberapa empangan di Johor kritikal

» Empat daerah berdepan catuan akibat penyusutan paras air

Oleh Mohd Fahmi
Mohd Yusof

mohdfahmi@bh.com.my

► Johor Bahru

Beberapa empangan utama di daerah Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi dan Mersing mengalami penurunan paras air berikutan cuaca kering melanda negeri ini.

Pengarah Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), Rashid Abdul A Rahman, berkata sehingga tengah hari semalam, paras air di Empangan Layang Atas, Empangan Pulau 1 dan Empangan Pontian di daerah Johor Bahru, dilaporkan menghampiri tahap kritikal.

Paras air semasa dicatatkan di Empangan Layang Atas adalah -19.74 meter semalam berbanding paras kritikalnya -23.50 meter.

Operasi pemindahan air

“Pemindahan air mentah dari Loji Rawatan Sungai Johor ke empangan itu sedang dilakukan dan akan diteruskan bagi mengurangkan penurunan paras air,” katanya.

Bagi Empangan Pulau 1 dan Empangan Pontian, paras air semasa masing-masing adalah -44.434 meter berbanding paras kritikal -44.433 meter dan -36.393 meter berbanding -33.531 meter.

Cuaca kering yang berterusan turut mengakibatkan paras air rendah di tiga empangan di Mersing iaitu Empangan Tenglu Congkok, Empangan Endau-Labong dan Empangan Nitar-Sungai Lenggor.

Bagi daerah Kota Tinggi, paras air di Loji Rawatan Air (LRA) Lebam, Sungai Gembut dan Lok Heng dilaporkan menyusut 0.03 meter sehari, men-

jadikan semua empangan itu hanya mampu bertahan antara 19 dan 35 hari.

Di daerah Kluang, LRA Simpang Renggam dan Empangan Machap adalah antara empangan dan loji yang terjejas apabila hanya mencatat paras air

“**Ketika bacaan diambil menyaksikan dua empangan ini mengalami penurunan paras air di tahap kritikal berikutan cuaca kering, namun jika situasi ini masih berterusan, catuan air akan dilakukan**”

Hasni Mohammad,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor

semasa masing-masing 4.78 meter berbanding 4.70 meter untuk paras kritikal dan 14.79 meter berbanding 14.020 meter.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Hasni Mohammad, berkata penduduk daerah ini dan Kota Tinggi bakal berdepan catuan air jika dua empangan di daerah itu terus menyusut akibat cuaca panas sehingga mencecah paras kritikal.

Pantau paras air empangan

Dua empangan berkenaan ialah Empangan Layang Atas di Johor Bahru dan Empangan Sungai Lebam di Bandar Penawar, Kota Tinggi.

Katanya, kerajaan negeri menerusi SAJ Holdings (SAJ) dan BAKAJ sentiasa memantau dan merekodkan paras air di empangan terbabit sejak minggu lalu.

“Ketika bacaan diambil menyaksikan dua empangan ini mengalami penurunan paras air di tahap kritikal berikutan cuaca kering, namun jika situasi ini masih berterusan, catuan air akan dilakukan.

“Bagaimanapun, dua kawasan ini menerima hujan beberapa hari lalu dan saya yakin ia sedikit sebanyak mengurangkan risiko catuan air dalam masa terdekat,” katanya.